

**TEKS UCAPAN ALUAN
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DATUK DR. HJH. ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSOLOR UiTM**

**Diwakili oleh;
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DR. MOHD SAZILI SHAHIBI
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR), UiTM**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN
KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA BALIK KAMPUNG
YAMAHA- MALAYSIA MOTORCYCLE AND SCOOTER DEALERS
ASSOCIATION (MMSDA)**

**8 APRIL 2023 | SABTU
DEWAN AGONG TUANKU CANSOLOR
UiTM SHAH ALAM**

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis.

[Salutasi- kemas kini berdasarkan kehadiran]

- **Yang Berbahagia Prof. Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose**

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

- **Yang Berbahagia Dato' Dr. Jim Khor**

Pengarah Urusan Kumpulan, Hong Leong Industries Bhd.

- **Yang Berbahagia Datuk Wee Hong**

Pengerusi, Malaysia Motorcycle & Scooter Dealers Association

- **Yang Berbahagia Tuan Janagarajan a/l A M Mariappan**

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan),
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

- **Yang Berbahagia Ir. Ts. Dr. Muhammad Marizwan bin Haji Abdul Manan**

Pengarah, Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Keselamatan Jalan Raya dan Persekitaran

- **Yang Berbahagia DSP Kartikeyan A/L Wassu**

Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Shah Alam.

- **Ketua Polis (To be Confirmed)**

- Rakan-Rakan Media Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

1. Pertamanya, marilah kita sama-sama mengucapkan kesyukuran kepada hadrat Illahi atas limpah kurnia dan inayah-Nya, dapat kita sama-sama berhimpun pada pagi ini bagi menjayakan **Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya Balik Kampung** anjuran bersama YAMAHA-MMSDA dan Universiti Teknologi MARA.

2. Pada hari ini, saya mewakili Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Hjh. Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM yang tidak dapat bersama-sama kita. Beliau menyampaikan salam kepada semua hadirin dan merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua yang menjayakan majlis pada hari ini.

Para hadirin sekalian,

3. Objektif utama kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna jalan raya terutama penunggang motosikal, agar lebih peka untuk mengamalkan penunggalan yang selamat ketika pulang ke kampung halaman pada hari raya yang bakal menjelang.

4. Pelbagai aktiviti akan dianjurkan bersempena program ini, seperti pemeriksaan motosikal percuma, penukaran helmet uzur atau yang tidak menepati tahap piawaian keselamatan penggunaannya kepada helmet yang baharu secara percuma dan pameran keselamatan serta perkongsian ilmu melalui sesi "*Safety Talk and Test Ride*" buat warga, pelajar dan pengunjung yang hadir.

5. Program usaha sama antara Hong Leong Yamaha Motor dengan Persatuan Penedar Motosikal dan Skuter Malaysia telah dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lalu. Kempen kesedaran mengenai keselamatan jalan raya dalam kalangan masyarakat terutamanya semasa musim perayaan memberikan impak yang signifikan telah diiktiraf serta mendapat sokongan daripada agensi-agensi kerajaan termasuk Kementerian Pengangkutan.

6. Alhamdulillah, pada tahun ini, sempena bulan syawal yang akan tiba, pihak penganjur melaksanakan program ini dengan berinteraksi dan memberi sumbangan khidmat masyarakat secara terus dengan pelajar dan warga UiTM.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

7. Menurut statistik yang dinyatakan melalui akhbar pada November 2022 yang lalu, jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya sepanjang tahun 2022 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 52 peratus berbanding tahun 2021. Statistik ini adalah berdasarkan dari kajian yang dilakukan oleh Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia

(MIROS) bermula Januari hingga September 2022. Secara keseluruhannya, statistik telah menunjukkan bahawa jumlah pengguna jalan raya yang cedera parah turut mendadak naik dengan 3,406 kes atau 92.5 peratus lebih tinggi berbanding tempoh yang sama pada tahun 2021.

8. Dari jumlah tersebut, pengguna motosikal merekodkan jumlah kematian tertinggi dengan 2,916 atau 66.6 peratus. Difahamkan bahawa, 45 peratus kematian melibatkan yang penunggang motosikal membabitkan mangsa dalam lingkungan usia dari 16 tahun hingga 29 tahun.

9. Sesungguhnya statistik ini membimbangkan kita kerana ramai daripada pelajar UiTM merupakan penunggang motorsikal. Dan Mungkin ada antara mereka akan pulang ke kampung dengan menunggang motorsikal pada hari raya nanti. Justeru program kempen kesedaran yang dilancarkan pada hari ini merupakan inisiatif yang amat memberi impak kepada para pelajar khususnya dan kepada semua pengguna jalan raya yang lain.

10. Program ini merupakan indikasi bahawa UiTM dan YAMAHA-MMSDA sama-sama mengambil berat dan ingin melaksanakan tanggungjawab dengan mengambil langkah pencegahan kemalangan jalan raya.

11. Penekanan berkenaan keselamatan di jalan raya di samping mendidik pengguna agar mengamalkan sikap pemanduan berhemah dan mematuhi undang-undang jalan raya merupakan agenda utama program ini. Kandungannya diharap dapat memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya agar lebih berhati-hati dan berusaha mengelakkan diri dari terlibat dalam sebarang kemalangan jalan raya.

Hadirin sekalian,

12. Saya percaya bahawa usaha mempromosikan mengenai kepentingan menjaga keselamatan dalam kalangan pengguna jalan raya perlu diteruskan pada setiap masa dan tidak hanya terhad semasa musim perayaan.

13. Oleh itu, saya ingin mengajak semua pelajar, warga dan seluruh pengunjung pada pagi ini terutamanya bagi

penunggang motosikal untuk sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas dan mengambil langkah berjaga-jaga ketika berada di atas jalan raya. Pastikan sentiasa memakai topi keledar yang berkualiti, memeriksa motosikal sebelum memulakan perjalanan dan menunggang atau memandulah dengan berhemah.

14. Saya juga ingin mengingatkan, bahawa pentingnya kita semua menghormati hak pengguna jalan raya yang lain. Berikan isyarat dengan jelas, patuhi had laju dan jarak keselamatan, dan sentiasa berhati-hati terutamanya di kawasan yang padat dengan trafik. Manfaatkan program hari ini untuk jadikan amalan seharian kita.

Hadirin yang dihormati,

15. Terima kasih diucapkan kepada pihak YAMAHA-MMSDA kerana sudi berkolaborasi dengan UiTM pada tahun ini. Penglibatan pihak swasta dan bukan kerajaan dalam kempen keselamatan jalan raya sentiasa dan amat dialu-alukan. Saya berasa begitu gembira melihat perkembangan positif ini dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga saya sampaikan

kepada beberapa syarikat swasta yang telah menyumbang dalam usaha murni pada tahun ini.

16. Saya turut ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dan hadir di Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya Balik Kampung.

17. UiTM akan terus komited dalam memberi kerjasama dan menyampaikan mesej keselamatan jalan raya kepada pelajar dan warga melalui semua saluran seperti radio dan media sosial Universiti.

18. Dengan penuh takzim saya mengakhiri ucapan ini dengan ucapan selamat berpuasa dan selamat hari raya yang bakal disambut di dalam dua minggu lagi. Semoga semua akan tiba ke destinasi dengan selamat semasa pulang berhari raya nanti dan selamat kembali ke kampus.

**Wabillahitaufik, walhidayah wassalamualaikum,
warahmatullahi wabarakatuh.**

Terima kasih.